



27 SEP, 2023

Kerajaan mungkin kurangkan subsidi kepada RM40 bilion

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 1

Kerajaan mungkin kurangkan subsidi kepada RM40 billion



Pengurangan perbelanjaan operasi usaha turunkan defisit fiskal

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kerajaan dijangka memperuntukkan subsidi lebih rendah berjumlah RM40 bilion pada 2024 dalam usaha menurunkan defisit fiskal, demikian menurut pengalisis.

Ketua Penyelidik TA Securities, Kaladher Govindan, berkata memangangkan kerajaan berusaha untuk menurunkan defisit fiskal, pengurangan perbelanjaan operasi (OE) adalah satu daripada langkah yang perlu, selain mengembangkan asas pendapatan dan menguruskan perbelanjaan yang semakin meningkat diperuntukkan terhadap subsidi pukal.

Beliau berkata, banyak perhatian telah diberikan kepada subsidi bahan api yang dijangkakan seperti mekanisme subsidi pukal semasa yang menyebabkan jumlah



bil subsidi meningkat.

"Belanjawan 2023, mengikut Laporan Ekonomi 2022/23 yang disemak semula memperuntukkan RM58.6 bilion untuk subsidi tahun ini.

"Walaupun hampir 13 peratus lebih rendah berbanding RM67.4 bilion yang dilaporkan pada 2022, ia masih tinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Kami menjangkakan peruntukan subsidi yang lebih rendah sebanyak RM40 bilion pada 2024," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Govindan berkata, versi subsidi yang lebih luas menurut Kementerian Kewangan (MOF) termasuk insentif lain menunjukkan bahawa jumlah perbelanjaan subsidi kerajaan untuk tahun ini dijangka dikurangkan kepada RM63.8 bili-

on berbanding RM91.4 bilion pada 2022.

Beliau berkata, baru-baru ini, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menyebut sekiranya minyak mentah Brent menccecah AS\$100 setengah, subsidi ditanggung kerajaan boleh melebihi RM100 bilion.

Katanya, tekanan fiskal dikenakan dengan populasi yang semakin tua dan peningkatan ketidakamaan serta kesan pandemik dijangka meningkat pada tahun-tahun akan datang.

"Oleh itu, menggantikan langkah sokongan yang tidak disaraskan dengan bantuan yang disaraskan kepada golongan yang tertedah adalah penting untuk melindungi ruang fiskal kerajaan," katanya.

Buat penjelasan lanjut

Govindan berkata, TA Securities menjangkakan kerajaan untuk

menjelaskan lebih lanjut mengenai program subsidi yang disaraskan dalam Belanjawan 2024 yang akan datang.

Beliau berkata, setakat ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah dengan tarif elektrik lebih banyak dipacu pasaran untuk pengguna bukan domestik dan pengguna voltan tinggi, membolehkan majoriti isi rumah tidak terjejas.

Katanya, kebanyakan subsidi makanan dan bahan api yang mahal ada juga dikekalkan pada tahun ini.

"Kami percaya garis masa rasionalisasi akan bergantung pada pelancaran hab Pangkalan Data Utama atau PADU. Ia dijangka menjalani percubaan pada November 2023 sebelum boleh diakses oleh orang ramai pada Januari 2024 untuk pengesahan maklumat peribadi.

"Hab PADU akan meliputi 270 pangkalan data daripada kementerian, agensi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan badan berkanan melalui perjanjian per-kongsi data sedia ada," katanya.

Timbalan Menteri Kewangan II, Steven Sim Chee Keong, semasa mengulang perbahasan sidang khas Dewan Negara Kajian Separuh Penggar Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK12) di Parlimen kelmarin berkata, terdapat penjimatan kira-kira RM4 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini yang membabitkan subsidi elektrik, susulan langkah kerajaan untuk tidak lagi memberikan subsidi penuh tarif elektrik kepada syarikat-syarikat besar yang menggunakan tenaga elektrik pada tahap yang tinggi mulai tahun ini.

Beliau berkata, kerajaan masih menanggung jumlah subsidi elektrik sebanyak RM10.8 bilion berbanding jumlah asal RM14.9 bilion.

Katanya, pengurusan subsidi yang lebih bersasar dan mampan adalah menjadikan keutamaan, dalam memastikan perbelanjaan Kerajaan dapat disalurkan kepada keperluan pembangunan yang dapat memberi nilai tambah lebih tinggi kepada ekonomi negara.

Walaupun hampir 13 peratus lebih rendah berbanding RM67.4 bilion yang dilaporkan pada 2022, ia masih tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya

Kaladher Govindan,
Ketua Penyelidik TA Securities

